


# Naib Canselor UMS terima pangkat Kepten (Kehormat) PSSTLDM

NST 8.12.2017 5

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dianugerahkan pangkat Kepten (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) dalam satu majlis rasmi kelmarin.

Majlis Pemakaian Pangkat Kehormat PSSTLDM itu disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badarudin di Bilik Mesyuarat Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Penganugerahan pangkat tersebut



**PAKAIKAN ... Ahmad (kiri) dan Laksamana Pertama Khalid Jaafar (kanan) memakaikan pangkat Kepten (Kehormat) PSSTLDM kepada Datuk D Kamarudin.**

diberikan selepas mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V yang memperakukan keputusan Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke - 558 yang bersidang pada 23 Ogos untuk mentauliahkan Datuk D Kamarudin sebagai Kepten (Kehormat)

PSSTLDM.

Hadir sama menyaksikan penyempurnaan majlis pemakaian pangkat tersebut Pegawai Kanan TLDM, Laksamana Pertama Khalid Jaafar dan Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS, Komander (Kehormat) Prof. Dr. Sharifudin Md. Shaarani.